

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 DECEMBER 2016

PM lancar sebahagian 11 pakej jajaran Lebu Raya Pan Borneo Sarawak

# 8 pakej RM12.5b bermula

UM-19/12/2016

## ■ MIRI 18 DIS.

**P**ERDANA Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan lapan pakej Lebu Raya Pan Borneo Sarawak yang bernilai RM12.5 bilion.

Lapan pakej yang dilancarkan ini merupakan sebahagian daripada 11 pakej jajaran Lebu Raya Pan Borneo Sarawak yang sedang giat dilaksanakan di pelbagai kawasan di Sarawak.

Pakej-pakej tersebut ialah Se-

matan ke Jambatan Sungai Moyan sepanjang 95km, Persimpangan Pantu ke Batang Skrang (89km), Batang Skrang ke Jambatan Sungai Awik (68km) dan Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor (64km).

Turut terlibat dalam pakej tersebut Jambatan Sungai Kua ke Jambatan Sungai Arip sepanjang 64km, Jambatan Sungai Arip ke Persimpangan Bintulu (65km), Persimpangan Bakun ke Sungai Tangap (77 km) dan Persimpangan Sungai

Tanggap ke Pujut Link Road (80km).

Pakej ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan 1,089km Lebu Raya Pan Borneo Sarawak.

Terdahulu, Najib berkata, pelancaran pakej ini adalah fasa pertama pelaksanaan Lebu Raya Pan Borneo Sarawak membabitkan jumlah keseluruhan RM16.5 bilion dengan fasa pertama dijangka siap dalam tempoh lima tahun iaitu pada 2021.

Beliau berkata, fasa kedua pembinaan Lebu Raya Pan Borneo akan memberi fokus untuk

memastikan perjalanan dari Se- matan ke Sabah berjalan lancar tanpa sebarang kerenah birokrasi.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem yang turut berucap merakamkan penghargaan kerajaan negeri kepada kerajaan persekutuan kerana menunaikan janji membina Lebu Raya Pan Borneo di Sarawak.

"Kami memang menanti-nantikan lebu raya ini dan kami sangat sabar, kami ucapkan terima kasih," katanya. - BERNAMA